

ADAPTASI ELEMEN FILANTROPI DALAM KERANGKA KERJA HOSPITAL PATUH SYARIAH: KAJIAN DI HOSPITAL PAKAR AN-NUR, BANGI

Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman^{1*}, Hamidah Mat², Norazzila Shafie³

¹Arshad Ayub Graduate Business School, Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Malaysia
alfaizee@uitm.edu.my

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Open University Malaysia,
Menara OUM, Block C, Kompleks Kelana Centre Point, Jalan SS7/19, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor Malaysia
hamidah_mat@oum.edu.my

³Fakulti Pendidikan, Open University Malaysia,
Menara OUM, Block C, Kompleks Kelana Centre Point, Jalan SS7/19, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor Malaysia
norazzila@oum.edu.my

*Corresponding Author

Article info

Received:
24/07/2023
Received in revised form:
28/08/2023
Accepted:
29/08/2023
Available online:
01/09/2023

Keywords:

Filantropi;
Kebajikan;
Sedekah;
Patuh syariah;
Wakaf

DOI:

[10.24191/JIPSF/v5n22023_12-23](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v5n22023_12-23)

Abstrak

Perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh hospital patuh syariah untuk memastikan pencapaian maqasid syariah (objektif di sebalik pensyariatan hukum). Selaras dengan objektif pensyariatan, elemen kebajikan melalui aktiviti filantropi mula mendapat perhatian dari kalangan sarjana Islam terutama apabila hospital patuh syariah sudah mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Namun, perkhidmatan hospital patuh syariah yang kebanyakannya adalah berasaskan swasta telah menghadkan penyediaan perkhidmatan kepada golongan tertentu sahaja. Tambahan pula, sorotan awal terhadap kerangka kerja pelaksanaan hospital patuh syariah Hospital Pakar An-Nur mendapati elemen kebajikan dan aktiviti filantropi tidak digariskan secara jelas. Justeru, kajian ini akan menganalisis kerangka kerja pengoperasian Hospital Pakar An-Nur dengan tujuan mengenalpasti elemen-elemen kebajikan dalam perkhidmatannya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif berdasarkan kepada kajian kepustakaan dan temubual mendalam semi berstruktur bersama pemegang taruh yang berkaitan. Hasil kajian ini telah mencadangkan pengwujudan elemen kebajikan melalui aktiviti-aktiviti filantropi dalam kerangka kerja pelaksanaan hospital patuh syariah. Dapatan kajian turut mencadangkan beberapa penambahbaikan kepada pemerkasaan elemen kebajikan dalam pelaksanaan hospital patuh syariah yang selaras dengan matlamat pelaksanaannya

THE ADAPTATION OF PHILANTHROPIC ELEMENTS IN THE SYARIAH COMPLIANTS HOSPITAL FRAMEWORK: A CASE STUDY IN SPECIALIST HOSPITAL AN-NUR, BANGI

Abstract

Health services are provided by the syariah-compliance hospital to ensure the achievement of maqasid syariah (goals underlying syariah mandates). In accordance with the objectives of the syariah, Islamic scholars began to pay attention to the element of charity through philanthropic activities, particularly when the hospital had already begun to establish a place in the community. However, syariah-compliant hospital services that are primarily private have restricted service provision to specific groups. In addition, the initial emphasis on the framework for the implementation of the syariah-compliant hospital, Specialist Hospital An-Nur, revealed that the components of charitable and philanthropic activities were not explicitly outlined. This study will therefore examine the operational infrastructure of An-Nur Specialist Hospital to identify the elements of well-being in its services. This is a qualitative study based on library research and in-depth, semi-structured interviews with relevant stakeholders. The findings of this study indicate that philanthropic activities within the context of the implementation of syariah-compliance in hospitals contribute to a sense of well-being. In accordance with the objectives of the hospital adhering to Syariah law, the study's findings also suggested a few enhancements to the enrichment of the elements of well-being.

Keywords: Charity, Philanthropic, Syariah Compliant, Welfare, Waqf

PENGENALAN

Sebelum munculnya hospital patuh syariah (HPS), hospital dengan jenama mesra ibadah telah wujud seperti Hospital Pakar al-Islam Kuala Lumpur. Hospital ini merupakan rentetan daripada penubuhan Hospital Mesra Ibadah di Jordan (Surina Mohamad Shafi et al., 2021). Selain itu, HUSM Kubang Kerian, Hospital Pulau Pinang, Hospital Pakar Sultanah Fatimah Johor, Hospital Langkawi dan Hospital Selayang antara yang turut mengadaptasi konsep mesra ibadah. Objektif pelaksanaan hospital mesra ibadah ialah untuk memenuhi keperluan ibadah pesakit dan petugas kesihatan Muslim. Selain itu, penerapan maqasid syariah dalam tadbir urus hospital menjadi asas utama dilaksanakan dalam hospital tersebut. Konsep hospital ini terus berkembang dengan penerapan konsep dan nilai-nilai yang memfokuskan kepada kesejahteraan pelanggan melalui penerapan dan penghayatan ibadah semasa dan selepas mendapat rawatan.

Istilah patuh syariah sebelum ini sinonim dengan industri perbankan dan kewangan Islam namun telah berkembang dalam industri lain seperti perhotelan dan kesihatan. Industri perhotelan telah menggariskan kriteria pengoperasian hotel patuh syariah dalam penyediaan makanan dan minuman halal, penanda arah kiblat dan penyediaan sejadah dan al-Quran dalam bilik penginapan. Selain itu, aktiviti kemudahan kolam renang dan gimnasium dibezakan antara lelaki dan wanita (Bernama, 2019).

Idea awal HPS telah menggariskan tujuh kriteria pengoperasian iaitu; reka bentuk, status kewangan yang kukuh, kualiti dan teknologi yang tinggi, perkhidmatan tidak mengira agama, penyediaan kelengkapan perubatan yang model, penjagaan pesakit yang holistik meliputi fizikal, mental, emosi, rohani dan sosial dan prosedur perkhidmatan yang tidak bertentangan dengan prinsip syariah. Tujuan penting pelaksanaan HPS adalah penawaran produk Islam alternatif kepada produk konvensional (Kasule, 2011).

Pelaksanaan konsep HPS berusaha untuk menerapkan pencapaian maqasid syariah semaksima mungkin melalui perkhidmatannya. Selari dengan tuntutan maqasid syariah untuk pemeliharaan nyawa, Hospital Pakar al-Islam, contohnya telah memperkenalkan konsep *Islamic Social Responsibility* yang bertujuan melahirkan kakitangan yang bertanggungjawab kepada masyarakat. Konsep infaq dan sedekah telah diberikan penekanan untuk menyumbang kepada masyarakat terutama dalam kalangan pesakit (Hospital Pakar al-Islam, 2014).

Hospital Pakar An-Nur di Bandar Baru Bangi merupakan hospital swasta pertama yang memperoleh sijil MS1900:2014 di Malaysia pada April 2015 oleh SIRIM. Pada tahun 2015,

hospital ini telah mendapat penganugerahan sijil pematuhan syariah (Shaharom Md Shariff & Abd Rashid Abdul Rahman, 2016). Berdasarkan kepada kerangka dan kriteria Hospital Patuh Syariah yang telah diadaptasi oleh Hospital Pakar An-Nur, tumpuan diberikan kepada infrastruktur dan perkhidmatan. Selain itu, penekanan terhadap nilai-nilai utama Islam dalam pengoperasian hospital merupakan sebahagian daripada komponen penting konsep *rahmatan lil alamin*.

Jika dilihat kepada kerangka SIRIM MS1900:2014, nilai-nilai Islam tidak dinyatakan secara spesifik. Begitu juga tentang elemen kebajikan yang menjadi komponen utama kepada *masalahah* yang menjadi menjadi asas kepada maqasid syariah. Justeru, kajian ini akan menganalisis kerangka pengoperasian hospital patuh syariah yang dilaksanakan dalam Hospital Pakar An-Nur dan mengenal pasti elemen kebajikan yang dilaksanakan seterusnya mencadangkan bentuk-bentuk kebajikan yang bersesuaian dalam pengoperasian Hospital Pakar An-Nur.

Elemen Kebajikan Dan Hubungannya Dengan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) Atau Corporate Social Responsibility (CSR)

Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) bermaksud kewajipan pengurusan sesebuah organisasi untuk membuat keputusan dan mengambil tindakan yang akan membantu dalam kebajikan dan kebaikan kepada masyarakat dan juga organisasi. Tanggungjawab sosial korporat (TSK) secara umumnya merujuk kepada komitmen syarikat dan organisasi korporat terhadap keperluan sosial yang meliputi hak-hak masyarakat, penjagaan alam sekitar, kebajikan para pekerja, hak-hak pengguna dan sebagainya (Abdullah et al., 2019). Konsep TSK mempunyai asas yang kukuh berdasarkan sumber al-Quran dan al-Sunnah dan ianya meliputi elemen spiritual, moral dan material (Mohammed, 2007). Objektif utama TSK dalam Islam adalah menegakkan kebajikan sosial, persaudaraan dan keadilan sosial bagi mencapai keberkatan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

Dalam Islam, kebajikan tidak hanya merujuk kepada bantuan kepada yang memerlukan sahaja tetapi turut meliputi segala perkara yang mempunyai nilai kebaikan (Haneef, 1997). Selain daripada elemen kebajikan, kajian-kajian lepas telah menunjukkan model TSK berasaskan Islam yang wujud menonjolkan elemen seperti; elemen tauhid (Muwazir et al, 2006), elemen taqwa (Dusuki, 2008), elemen maqasid syariah dan *masalahah* (Darus et al., 2013), elemen penyatuan, keseimbangan, kebebasan dan tanggungjawab (Mohammed, 2007) dan elemen bentuk-bentuk yang dicadangkan dalam tanggungjawab TSK (Farook, 2007).

Konsep keadilan sosial dan persaudaraan ini dapat menghalang individu daripada melakukan perkara yang mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri, orang sekeliling serta makhluk Allah SWT yang lain. Konsep ini diperkukuhkan lagi dengan konsep ukhuwwah, iaitu persaudaraan sesama Muslim. Konsep ini menjadikan setiap Muslim bertanggungjawab ke atas satu sama lain. Komitmen Islam terhadap keadilan sosial dan persaudaraan menuntut masyarakat Islam untuk mengambil perhatian terhadap keperluan asas orang-orang miskin dan orang yang memerlukan (Muwazir @ Mukhazir, Rusnah Muhamad & Kamaruzzaman Noordin, 2006). Oleh itu, dalam Islam, aktiviti perniagaan tidak hanya dilakukan untuk memuaskan keperluan dan kehendak material sahaja bahkan ianya dilakukan untuk memenuhi tanggungjawab agama dan untuk mencapai objektif-objektif bukan material seperti melindungi keperluan sosial (Gillian Rice, 1999).

Umumnya, isu tanggungjawab sosial di Malaysia wujud dalam aktiviti dan pengoperasian korporat dalam bentuk usaha mengawal pencemaran alam sekitar, hakisan tanah, kepupusan hidupan laut, kebajikan pekerja, hak pengguna. Penyertaan sektor korporat dalam tanggungjawab sosial bagi memperoleh tiga keperluan utama iaitu, keperluan keuntungan, kemakmuran ekonomi dan tanggungjawab ekonomi dan alam sekitar. TSK secara umumnya ialah komitmen sesebuah organisasi untuk beroperasi secara ekonomik dan mengambil kira keadaan persekitaran sosial di sekeliling mereka (Che Man, 2011). TSK merupakan medium pemberian sumbangan kepada masyarakat dan tidak berpaksikan kepada keuntungan maksimum semata-mata.

Sementara itu, Carroll, (1991) mengatakan bahawa terdapat empat peringkat tanggungjawab dalam piramid tanggungjawab sosial korporat. Ia terdiri daripada tanggungjawab tanggungjawab ekonomi, tanggungjawab undang-undang, tanggungjawab etika dan tanggungjawab filantropi

(kemanusiaan). Empat elemen tanggungjawab dalam TSK meliputi ekonomi, perundangan, etika dan filantropi (Hariyanto & Gunawan, 2018; Madinah et al., 2018). Tanggungjawab ekonomi merujuk kepada institusi perniagaan yang bertanggungjawab menghasilkan pulangan atau keuntungan kepada milik atau pemegang saham (Punitha & Rasdi, 2013). Beberapa praktis elemen TSK filantropi berlandaskan Islam yang pernah dilaksanakan antaranya ialah zakat (pembayaran zakat perniagaan/korporat), kebajikan pekerja, pemantauan pelaburan, tapisan pelanggan dan kontraktor, aktiviti amal kebajikan, pengurusan wakaf dan pinjaman tanpa faedah (qard hasan). Tanggungjawab filantropi atau perikemanusiaan dalam bahasa melayu menurut Kamus Dewan ialah rasa kasih sayang terhadap manusia ataupun sifat kedermawanan yang ada pada diri seseorang dan merangkumi tindakan-tindakan sektor korporat yang bertindak balas terhadap jangkauan masyarakat, iaitu perniagaan menjadi warganegara korporat yang baik (good corporate citizenship). Ini termasuklah terlibat dalam keputusan atau program-program yang berkaitan dengan kebajikan manusia.

TSK merupakan program yang boleh memberikan impak dan momentum positif kepada masyarakat umum dan kebanyakan institusi perniagaan mengetahui kebaikan dan kelebihan TSK tetapi pelaksanaannya masih belum mencapai tahap yang optimum (Retnaningsih, 2015; Sukananda, 2018). Prinsip kebajikan yang diiktiraf oleh Islam mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep dan gerak kerja TSK. Kepelbagaian konteks TSK dalam pengoperasian HPS dilihat bakal memperkukuhkan jenama “patuh syariah” yang dibawa oleh hospital tersebut.

Hubungan Maqasid Syariah Dan Elemen Kebajikan Dalam Pelaksanaan Hospital Patuh Syariah

Hospital Patuh Syariah (Hps) Merujuk Kepada Institusi Kesihatan Yang memberikan perkhidmatan bertepatan dengan prinsip syariah atau ajaran Islam (Shariff & Rahman, 2016). Pembangunan dan pengoperasian HPS perlu mempunyai kerangka kerja yang holistik dan merangkumi konsep, persekitaran dan pengoperasian yang jelas dan mampan. Dalam satu perkembangan lain terhadap kandungan maqasid syariah, Ibn Ashur, (2001) turut memasukkan maqasid syariah sebagai alat untuk memelihara ketertiban sosial masyarakat. Ia juga menggalakkan kemajuan masyarakat dalam menentukan kesejahteraan dan kebajikan manusia. Ini selaras dengan tujuan utama syariah, iaitu untuk menyebarkan, melindungi dan memelihara asas kewujudan manusia di bumi. Kepentingan ini telah menjadi keutamaan berdasarkan penurunan kepentingan seperti *al-Din* (agama), *nafs* (nyawa), *aql* (akal), *nasl* (keturunan) dan *mal* (harta) yang digariskan dalam matlamat Syariah (maqasid syariah).

Oleh itu, Kasule, (2013) telah menggariskan empat paradigma asas yang memandu hala tuju pelaksanaan HPS, iaitu integrasi (berasaskan tauhid), keseimbangan (tawazun), kualiti (ihسان dan itqan) dan keadilan (‘adl). Keempat-empat paradigma ini selari dengan lima prinsip maqasid syariah. Kerangka pengoperasian HPS adalah berasaskan kepada empat elemen utama, iaitu manusia, struktur, proses kerja dan teknologi (Raimi Rahmat Yahya, 2018). Konsep hospital patuh Syariah juga mestilah mengaplikasikan maqasid syariah dalam urusan perjalanan sesebuah hospital. Indikator pengembangan HPS dalam konteks semasa tidak boleh terkeluar daripada kerangka maqasid syariah yang memberikan tumpuan asas terhadap penjagaan lima perkara. Ini kerana, natijah kepada pelaksanaan maqasid syariah dalam HPS menjurus kepada aplikasi *masalah* dan melindungi daripada bahaya (mafsadah). Penubuhan HPS tidak sahaja berlandaskan prinsip maqasid syariah tetapi seluruh ekosistem hospital. Justeru matlamat penting pelaksanaan HPS semestinya berkait secara langsung dengan keberkatan dalam kehidupan melalui penekanan terhadap nilai-nilai Islam yang bersifat sejagat.

Perbezaan antara hospital patuh syariah dan hospital yang lain adalah perlantikan Majlis Penasihat Syariah untuk menyelia operasi hospital, akad kontrak di hospital yang melibatkan pekerja, pesakit, pembekal logistik, dan institusi kewangan mestilah selari dengan hukum syarak, melaksanakan kursus induksi keagamaan dalam kalangan staf serta pembayaran zakat oleh pihak hospital bagi membantu pesakit yang memerlukan bantuan bayaran kos hospital. Berdasarkan kepada konsep maqasid syariah dan *masalah*, umat Islam secara umumnya tidak boleh mengasingkan dirinya atau mengabaikan peranan dan tanggungjawabnya terhadap masyarakat dan individu lain dalam apa cara sekalipun.

Shaharom, (2020) seterusnya telah mencadangkan kriteria pelaksanaan Hospital Patuh syariah dikategorikan kepada empat komponen penting, iaitu; infrastruktur dan fasiliti, pembangunan individu dan pekerja, prosedur dan gerak kerja dan sistem dan teknologi. Bagi memastikan pengoperasian HPS sentiasa dipatuhi, standard pengoperasian yang telah ditetapkan seperti Standard MS 1900:2014 berkaitan sistem pengurusan kualiti perlu dipenuhi. Perkhidmatan HPS perlu memastikan pengamal perubatan menjalankan tugas mengikut prinsip dan etika seterusnya menyediakan garis panduan yang jelas dan memudahkan dalam ibadah dan *rukhsah*. Maqasid syariah jelas menekankan perihal penjagaan nyawa dan akal, maka HPS perlu memastikan produk-produk kesihatan yang disediakan memenuhi prinsip syariah, iaitu halal dan baik (*tayyib*). Berkaitan pembangunan individu dan staf, latihan yang berterusan berasaskan prosedur perubatan dan kriteria pematuhan syariah perlu diberikan.

Operasi perniagaan merupakan elemen penting kelestarian kerangka HPS dan ianya menuntut kepada penjagaan hubungan antara pelanggan dan pihak hospital. Aspek kewangan jika dilihat dalam konteks pelanggan adalah mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran yang mampu milik manakala pihak hospital pula sudah pasti pulangan modal dan keuntungan yang menjadi subjek penting dalam pengoperasian perniagaan. Prinsip maqasid syariah tentang pemeliharaan harta menjelaskan tentang keperluan penjagaan harta daripada kemusnahan. Justeru, aktiviti-aktiviti seperti pembangunan harta dan pemerolehan harta secara sah merupakan perkara yang dapat difikirkan dalam menjelaskan hubungan dan kesalingan antara pihak hospital dan pesakit. Sehingga kini, belum terdapat perbincangan elemen kebajikan bersifat filantropi yang dibahaskan dalam konteks hospital patuh syariah. Walau bagaimanapun, perbincangan elemen kebajikan filantropi dalam hotel patuh syariah telah wujud (Muhammad Syukri Mohd Ashmir Wong et al., 2021) dan boleh dijadikan sebagai panduan dalam melihat kesesuaiannya dalam konteks Hospital Patuh syariah.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan sumber data kualitatif dalam kajian ini dikategorikan kepada data primer dan data sekunder. Kaedah temu bual informan yang merupakan ketua pegawai eksekutif Hospital Pakar An-Nur dilaksanakan melalui kaedah temu bual mendalam separa berstruktur. Etika temu bual dimaklumkan awal kepada informan dan semua data yang diperolehi daripada temu bual telah disemak semula oleh informan sebelum kajian lanjut dilaksanakan.

Kaedah temu bual tersebut melibatkan penyediaan panduan temu bual dan disenaraikan senarai soalan yang ingin ditanya. Soalan-soalan dibina berdasarkan tema yang disoroti melalui sorotan kajian lepas serta teori-teori yang telah dikemukakan. Informan yang dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan dan kaedah temu bual mendalam semi berstruktur dipilih kerana kajian ini memerlukan data yang lebih bersifat fleksibel dan memudahkan informan untuk menghuraikan apa yang difikirkan kepada penyelidik tanpa terikat dengan format jawapan tertentu. Tambahan pula, informan merupakan pemegang jawatan pengurusan tertinggi dalam hospital, sudah tentu terdapat banyak input yang ingin dikongsikan berdasarkan pengalaman beliau. Data yang diperolehi melalui temu bual dianalisis secara tematik. Data yang dianalisis menggunakan analisis kandungan berdasarkan pendekatan berasaskan kod dan antara kod yang diberikan perhatian semasa pengkodan ialah kerangka pengoperasian hospital patuh syariah, elemen kebajikan dalam pengoperasian hospital patuh syariah, bentuk-bentuk kebajikan dan impak kepada pelanggan atau masyarakat.

Hasil temu bual yang diperolehi dalam bentuk teks umum diproses bagi mendapatkan kod-kod yang lebih spesifik. Kod yang diperolehi melalui kod yang terhasil selepas penelitian transkrip ialah pengoperasian patuh syariah, kebajikan dan impak kepada masyarakat. Oleh sebab kajian ini menjadikan persoalan kajian sebagai asas pembinaan kod, maka kajian ini dianalisis menggunakan kaedah deduktif. Himpunan kod-kod bersifat konseptual yang diperolehi dijadikan asas dalam membentuk rangka kerja bersrtuktur berkaitan hospital patuh syariah dan kebajikan filantropi.

Kajian ini turut mendapatkan data dari sumber sekunder, iaitu melalui kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan penting untuk memperoleh maklumat berkaitan teori dan konsep tanggungjawab sosial korporat melalui sumber al-Quran, al-Sunnah, artikel jurnal, tesis dan penulisan terdahulu. Dalil

dari al-Quran dan al-Sunnah telah menentukan prinsip-prinsip Islam yang perlu dipenuhi untuk membangunkan mekanisme TSK. Selain itu, elemen kebajikan yang menjadi asas kepada mekanisme TSK dianalisis melalui sudut pandang sarjana Islam. Konsep TSK berdasarkan pandangan sarjana Barat turut diperhalusi untuk dipetakan bersama dengan konsep maqasid syariah. Kesemua data dianalisis secara analisis kandungan dan menghasilkan satu konsep kebajikan filantropi yang akan diadaptasi dalam kajian ini.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penjagaan nyawa merupakan aspek penting dalam maqasid syariah. Matlamat perkhidmatan kesihatan didapati selari dengan prinsip maqasid syariah, iaitu penjagaan nyawa manusia tanpa mengira agama, bangsa dan apa-apa perbezaan yang ada. Hospital patuh syariah menjalankan pengoperasian mereka berdasarkan prinsip tersebut dengan berpandukan kepada standard pengurusan kualiti yang dikeluarkan pihak SIRIM iaitu SIRIM MS1900:2014.

Menurut Shaharom, (2022), dalam pembentukan rangka kerja pengoperasian hospital patuh syariah, elemen maqasid syariah dimasukkan sebagai dasar yang penting. *Maslahah* atau kebajikan yang menjadi intipati maqasid diaplikasikan dalam penentuan polisi dan aktiviti pengoperasian. Ini termasuklah isu-isu penggunaan barangan yang bersumberkan *halalan tayyiban* pada sudut ubatan dan pemakanan pesakit.

Konsep TSK melengkapkan lagi peranan Hospital Pakar An-Nur untuk merealisasikan maqasid syariah melalui perkhidmatan yang ditawarkan. Hasil temubual dengan Shaharom, (2022) mendapati bahawa aktiviti TSK yang ditonjolkan dalam Hospital Pakar An-nur dilihat tertumpu kepada bentuk kebajikan bukan kewangan. Aktiviti-aktiviti dalam TSK dapat dilihat dalam konteks seperti sosial, kebudayaan, pendidikan dan rekreasi. Bantuan-bantuan berbentuk barangan seperti peralatan termasuklah kerusi roda, katil hospital diberikan kepada golongan asnaf dan B40. Hospital Pakar An-Nur telah menubuhkan sebuah NGO yang bernama Medik Nur Rahmah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti TSK.

Menurut informan:

“Medik Nur Rahmah, sebuah NGO ditubuhkan untuk memfokuskan kepada usaha membantu golongan yang memerlukan daripada kalangan B40 untuk mendapatkan rawatan dengan kos yang minima atau ditanggung sepenuhnya”.


Hasil temubual mendapati bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Medik Nur Rahmah ini adalah bersumberkan sumbangan orang ramai samada dalam bentuk wang tunai atau barangan dan peralatan keperluan pesakit seperti kerusi roda, katil dan tong oksigen. Kesimpulannya, Medik Nur Rahmah yang ditubuhkan pada September 2019 bertanggungjawab untuk merangka program kebajikan bagi memudahkan cabaran penjagaan kesihatan melalui platform kerjasama seperti Program Tabung Perubatan Pesakit YKN-Medik Nur & Program Kemudahan Perubatan (Al-Gharim).

Hospital Pakar An-Nur juga turut meneroka elemen kebajikan dalam bentuk wakaf apabila telah mendapat kebenaran daripada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk menjalankan aktiviti wakaf barang-barang hospital. Selain itu, Hospital Pakar An-Nur juga sedang dalam usaha untuk mewujudkan elemen filantropi demi memaksimumkan perkhidmatannya kepada masyarakat.

Hal ini sebagaimana yang disebutkan oleh informan seperti berikut:

“Way forward, kita sedang meneliti untuk menjadi digital hospital dan islamic philanthropy hospital. Dan kita sedang berusaha ke arah itu, dan apa yang disebutkan sebagai dana ehsan”.


Perbincangan elemen kebajikan dalam kerangka Hospital Patuh syariah masih terhad perbincangannya. Berdasarkan kerangka HPS yang berpandukan kerangka sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah, fokus diberikan hanya kepada aspek pengurusan dan produk.



Rajah 1: Sistem Kualiti Pengurusan SIRIM: MS1900:2014

Rajah di atas merupakan standard pelaksanaan pengurusan kualiti berasaskan syariah yang melayakkan kepada pengiktirafan hospital patuh syariah. Berdasarkan standard tersebut, didapati elemen kebajikan tidak digariskan secara langsung dan hal ini menjadi dorongan kepada kajian ini untuk mencadangkan agar elemen kebajikan dinyatakan secara eksplisit di dalam rangka kerja pengoperasian hospital patuh syariah.

Justeru, kajian ini mencadangkan supaya elemen kebajikan yang menyeluruh dimasukkan dalam kerangka pengoperasian hospital patuh syariah. Walaupun pelaksanaan aktiviti perwakafan disebutkan oleh pengurusan Hospital Pakar An-Nur, namun skopnya masih kecil dan perlu dikembangkan dalam konteks yang lebih luas sama ada memperkasakan aktiviti-aktiviti perwakafan dan konteks yang pelbagai atau mengembangkan elemen kebajikan dalam bentuk-bentuk yang lain. Gambar rajah di bawah merupakan adaptasi daripada kerangka hotel patuh syariah yang menengahkan elemen kebajikan filantropi dan boleh dilaksanakan oleh Hospital Pakar An-Nur.



Rajah 2: Elemen kebajikan Filantropi yang diadaptasi daripada Muhammad Syukri Mohd Ashmir Wong et al., (2021)

Merujuk kepada Rajah 2.0, P1 (Peringkat 1) menunjukkan pematuhan kriteria patuh syariah dalam pengoperasian sebuah HPS sebagaimana yang telah dianjurkan oleh MS1900:2004. Paradigma pelaksanaan HPS yang telah digariskan oleh Kasule, (2011) adalah selaras dengan komponen-komponen utama pengoperasian HPS yang diketengahkan oleh Shaharom, (2020). P2 (Peringkat 2) merujuk kepada Tanggungjawab Sosial Korporat yang menjurus kepada aktiviti filantropi. Filantropi ialah perbuatan yang berkaitan dengan elemen keikhlasan, tolong menolong dengan menyumbang harta, tenaga, idea secara sukarela untuk kepentingan orang lain (Futaqi & Machali, 2019). Empat aspek berkaitan dengan filantropi adalah etika, perundangan dan ekonomi (Hariyanto & Gunawan, 2018; Madinah et al., 2018).

Elemen kebajikan dizahirkan melalui aktiviti TSK telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu sumbangan bukan kewangan melalui aktiviti pendidikan, sosial, rekreasi dan kebudayaan. Bahagian kedua pula adalah sumbangan dalam bentuk kewangan yang terdiri daripada elemen kebajikan dan merupakan fokus dalam kajian ini. Filantropi dalam Islam bukan sesuatu perkara yang asing sebagaimana yang telah digariskan dalam surah al-Ma'un (1-7) dan ia diterjemahkan kepada beberapa bentuk mekanisme seperti zakat, wakaf, sedekah, infaq dan hibah (Purwatiningsih & Yahya, 2018; Hariyanto & Gunawan, 2018). Golongan-golongan yang memerlukan perkhidmatan kesihatan tetapi tidak mampu dari sudut kewangan dapat dibantu melalui mekanisme ini.


Menurut Maymunah Ismail et al., (2020) dana filantropi Islam, iaitu wakaf, zakat, hibah, wasiat dan sedekah untuk kesejahteraan kesihatan rakyat yang mana kaedahnya, harta wakaf yang sedia ada sama ada tanah, bangunan atau premis, dibangunkan dengan dana Islam (zakat, sedekah serta wakaf). Antara mekanisme kebajikan yang dapat diterjemahkan dalam praktis berasaskan filantropi adalah wakaf perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pakar pengamal perubatan secara percuma atau bayaran yang minimum. Program kebajikan (TSK) boleh dilaksanakan melalui aktiviti perwakafan dan dapat menyelesaikan beberapa isu sosial dan kemiskinan dalam kalangan masyarakat (Abdullah et al., 2019). Antara praktis yang dilaksanakan melalui mekanisme filantropi Islam adalah zakat, kebajikan pekerja, pemantauan pelaburan, tapisan pelanggan dan kontraktor, aktiviti amal kebajikan, pengurusan wakaf dan pinjaman tanpa faedah (qard hasan) (Kamarujjaman dan Uddin, 2015).

P3 (Peringkat 3) pula adalah impak kepada pelanggan atau masyarakat. Impak ini memberikan ruang menang-menang di antara hospital dan masyarakat. Pihak hospital dapat memberikan perkhidmatan seperti biasa kerana terdapat bahagian kewangan yang dibantu melalui aktiviti filantropi, disamping pihak hospital dapat memperkasakan elemen kebajikan. Masyarakat dan pelanggan pula dapat boleh menikmati perkhidmatan kesihatan dengan harga yang berpatutan.

Aktiviti filantropi berasaskan kewangan merupakan mekanisme yang penting bagi pengaliran dana organisasi dan dapat disalurkan kepada kebajikan masyarakat secara sistematik. Justeru, impak kesalingan merupakan hasil yang ditonjolkan dalam P4 (peringkat 4). Pelanggan dan masyarakat yang telah menerima perkhidmatan daripada pihak hospital melalui aktiviti dan bantuan filantropi akan meningkatkan kebolehpercayaan mereka terhadap perkhidmatan hospital dan akan kembali menggunakan perkhidmatan. Kitaran yang berterusan antara HPS dan masyarakat turut memberikan impak jangka masa panjang kepada kelestarian perkhidmatan kesihatan di Malaysia.

Perkembangan pengiktirafan patuh syariah semakin meningkat dalam kalangan industri seperti perhotelan, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan makanan dan kewangan. Walau bagaimanapun, industri-industri ini terkekang untuk memenuhi tuntutan maqasid syariah kerana faktor pengoperasian berasaskan keuntungan yang memfokuskan kepada perniagaan. Walaupun aktiviti kebajikan berasaskan korporat wujud dalam pengoperasian mereka, ianya masih terhad dan menuntut untuk diwujudkan alternatif yang boleh menyokong tuntutan maqasid syariah, seterusnya menjadikan industri tersebut beroperasi dengan lebih komprehensif.

Justeru, cadangan integrasi elemen kebajikan berasaskan filantropi dalam pengoperasian hospital patuh syariah seperti Hospital Pakar An-Nur dilihat dapat menyokong matlamat penubuhan hospital tersebut dan menampakkan kelainan dari sudut pengoperasian hospital patuh syariah sedia ada. Alternatif ini merupakan kesinambungan idea yang telah dicadangkan oleh Muhammad Syukri Ashmir Wong et al., (2021) dalam konteks hotel patuh syariah dan sesuai untuk diadaptasi dalam kajian ini. Tambahan pula, elemen maqasid syariah seperti penjagaan nyawa dapat dioptimumkan kepada golongan kurang berkemampuan dan akan meningkatkan impak sosial dengan adanya pelaksanaan elemen kebajikan filantropi dalam kerangka pengoperasian Hospital Pakar An-Nur.



Rajah 3: Kerangka Hospital Patuh Syariah berdasarkan elemen Kebajikan Filantropi

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Elemen kebajikan sememangnya ditonjolkan melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat dan telah diadaptasi oleh sebahagian besar syarikat-syarikat korporat. Antara faktor utama yang menyumbang kepada perkembangan aktiviti TSK adalah pengecualian cukai daripada pihak kerajaan. Hospital An-nur Bangi telah memperoleh sijil pematuhan syariah sejak tahun 2015. Pengiktirafan Hospital An-nur Bangi sebagai hospital patuh syariah oleh SIRIM menjadikannya sebagai hospital swasta pertama yang memperoleh pengiktirafan tersebut. Pematuhan terhadap standard patuh syariah oleh pihak SIRIM adalah selari dengan prinsip maqasid syariah. Pihak Hospital Pakar An-Nur turut menjalankan aktiviti TSK dalam pelbagai bentuk terutama bukan kewangan. Berdasarkan analisis kajian lepas, tidak terdapat kajian yang memberikan fokus kepada adaptasi elemen kebajikan dalam pengoperasian institusi patuh syariah. Oleh itu, kajian ini melihat terdapat keperluan untuk mencadangkan elemen kebajikan filantropi yang menyeluruh meliputi aktiviti zakat, hibah, wakaf dan sedekah dalam kerangka pengoperasian Hospital Pakar An-Nur.

Justeru, berdasarkan kepada prinsip yang ditekankan dalam maqasid syariah, iaitu penjagaan nyawa dan penjagaan harta, elemen kebajikan dilihat perlu diangkat menjadi paradigma pengoperasian HPS. Pemerkasaan elemen tersebut dapat ditonjolkan melalui pendekatan filantropi dan pemakaian mekanisme ini dalam kerangka pengoperasian bakal memperluaskan konsep hospital patuh syariah di An-nur Bangi. Bagi memastikan cadangan integrasi elemen ini dapat diperluaskan secara optimum oleh kakitangan hospital, pihak pengurusan dicadangkan untuk membudayakan elemen tersebut melalui pendekatan-pendekatan kontemporari seperti sentuhan melalui media sosial atau pendekatan tradisional seperti sesi perkongsian dan penglibatan dalam kempen kesedaran seiring dengan aktiviti hospital. Kajian lanjut yang boleh dijalankan adalah perbincangan model filantropi berasaskan setiap elemen yang telah dicadangkan dan impak kepada kedua-dua pihak dalam konteks hospital patuh syariah.

PENGHARGAAN

Pengkaji mengucapkan terima kasih kepada pihak Open University Malaysia kerana telah menganugerahkan geran kajian dalaman universiti. No Rujukan Geran: OUM-IRF-2021-002.

RUJUKAN

- Abdullah, M. Y., Mohd Noor, M., Mohamad, M. T., Shahrudin, M. S., Mohammad Zaini, M. N., & Norman, M. P. (2019). Tanggungjawab sosial korporat (CSR): penglibatan institusi perbankan berasaskan Islam terpilih di Malaysia dalam industri wakaf. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 2(1), 45-54.
- Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al-Ghazali (2001), *Kitab Adab al-Kasb wa al-Ma'asy, Ihya' Ulumuddin*, Jilid 2, Beirut: Dar al-Kutb Al-Ilmiyyah.
- Asyraf Wajdi Dusuki (2008), What Does Islam Say About Corporate Social Responsibility, *Review of Islamic Economics*, Jil. 12 Bil. 1, hh. 5-28.
- Asyraf Wajdi Dusuki (n.d), Maqasid Al-syariah, Maslahah and Corporate Social Responsibility, *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Jil. 24 Bil. 1, hh. 25-45.
- Baharuddin, Ahmad Syukran ASB; Wan Ismail, Wan Abdul Fattah WAFWI; Abdul Mutalib, Lukman LAM; Ahmad, Muhammad Hazim MHA; Razak, Ruqayyah RR; Saharudin, Nurul Syahirah NSS; and Abdull Rahim, Muhammad Aiman MAAR, "An Appraisal of Maqāsīd Al-Shari‘ah Classic and Recent Literature: Systematic Analysis" (2019). *Library Philosophy and Practice (e-journal)*. 3730.
- Bernama, (2019, Julai 24). Malaysia perkenal Pengiktirafan Premis Penginapan Pelancongan Mesra Muslim. Diperoleh daripada <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1750092>.

-
- Borhan, J. T. (2008). Pemikiran pembangunan ekonomi berteraskan Islam. *Jurnal Usuluddin*, 27, 93-107.
- Borham, A. S., & Mahamood, S. M. (2013). Wakaf korporat Johor Corporation dan sumbangannya dalam memenuhi tanggungjawab sosial Islam di Malaysia: Satu tinjauan. *Journal of Techno-Social*, 5(2).
- Carroll, A. B. (1991). The pyramid of corporate social responsibility: Toward the moral management of organizational stakeholders. *Business horizons*, 34(4), 39-48.
- Che Man, N. (2011). Tanggungjawab sosial korporat: analisis perbandingan di Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Affin Bank Berhad/ Norajila binti Che Man (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Farook, S. (2007). On corporate social responsibility of Islamic financial institutions. *Islamic Economic Studies*, 15(1), 31-46.
- Gillian Rice. (1999). Islamic Ethic and the Implications for Business. *Journal of Business Ethics*. 18 (4).
- Haneef, M. A. M. (1997). Islam, the Islamic worldview, and Islamic economics. *IIUM Journal of Economics and Management*, 5(1), 39-65.
- Hariyanto, L. I., & Gunawan, M. L. (2018). Penerapan Tanggung Jawab Sosial Perusahaan Dan Dampaknya Terhadap Komitmen Afektif Karyawan Hotel di Bali. *Jurnal Hospitality dan Manajemen Jasa*, 6(2).
- Ibn 'Ashur, Muhammad Tahir. (2001). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Amman: Dar al-Nafa' Islam.
- Jaswir, I. & Ramli, N. (2016). Study on Muslim-Friendly Hospitality in Malaysia. *Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry*. 59-66.
- Khairul Azhar Idris (2007), *Keadilan Sosial dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: MPH Group Printing (M) Sdn. Bhd, hh. Xviii-xxviii.
- Kucukusta, D., Mak, A., & Chan, X. (2013). Corporate social responsibility practices in four and five star hotels: Perspectives from Hong Kong visitors. *International Journal of Hospitality Management*, 34, 19-30.
- Madinah, D., Rahman, M. R. C. A., Nor, S. M., & Palil, M. R. (2018). Tanggung Jawab Sosial Korporat Terhadap Pekerja Dan Kinerja Ekonomi: Satu Tinjauan. *Jurnal Riset Akuntansi Terpadu*, 11(2).
- Maymunah Ismaila, Mohd Saladin Abd Rasool, Noormala Rabuc, Marziana Abd Malibc, Sharina Shariff. 2020. KESEJAHTERAAN KESIHATAN RAKYAT MELALUI FILANTROFI ISLAM *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)* 1. 2.
- Muwazir, M. R., Muhamad, R., & Noordin, K. (2006). Corporate social responsibility disclosure: A Tawhidic approach. *Jurnal Syariah*, 14(1), 125-142.
- Mohammed, J. A. (2007). Corporate social responsibility in Islam. Unpublished doctoral dissertation, Auckland University of Technology, New Zealand.
- Muhammad S.M.A.W. M. Zaid D.& N. Hafizah H. (2021), Islamic Tourism in Malaysia During Covid-19: The Impact and Recovery Plan. *International Halal Management Conference 2021, USIM*.
- Omar, H.K. (2011). Islamic Hospital Guidelines. Paper presented at 7th International Seminar & Workshop Understanding Qur'anic Principles and Values in Healthcare, December 15th-17th, Kuala Lumpur, Malaysia
- Omar, H. K. (2013). Toward syariah compliant hospital: planning, implementation and challenges. Presented at a Seminar on Islamization of the Medical 107 Curriculum and Practice at the International Islamic University Kuantan Malaysia 26th-27th August 2013.
-

- Norajila Binti Che Man, Joni Tamkin Bin Borhan (2010), "Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat: Implikasi Dan Keberkesanannya Kepada Masyarakat", Prosiding PERKEM V, Jilid 2, 210-218
- Punitha, S., & Rasdi, R. M. (2013). Corporate social responsibility: Adoption of green marketing by hotel industry. *Asian Social Science*, 9(17), 79.
- Purwatiningsih, A. P., & Yahya, M. (2019). Literature Review Filantropi Islam antara Tahun 2008 hingga 2018. *Al-Muzara'ah*, 6(2), 129-138. Rahardjo, M. D. (2003). *Filantropi Islam dan Keadilan Sosial: Mengurai Kebingungan Epistemologis. Berderma Untuk semua: Wacana dan Praktek Filantropi Islam*. Jakarta: Teraju.
- Ramdzan, A. R., & Abas, I. (2019, Ogos 29). *Pembiayaan Kos Perubatan: Apakah solusinya*. Laporan I-Medik 2019.
- Raimi Rahmat Yahya. (2018). What is Shariah Compliant Hospital Criteria and Scope?. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*.
- Retnaningsih, H. (2015). Permasalahan Corporate Social Responsibility (CSR) dalam Rangka Pemberdayaan Masyarakat. *Jurnal Aspirasi*, 6(2), 177-188.
- Surina Mohamad Shafie, Mohd Zulkifli Awang, Nur Aisyah Amir Ramli, Izzati Aminah Subhan, Ishak Mas'ud. (2021), *Ulum Islamiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences*.
- Shaharom Md Shariff, Shahimi Mokhtar, Roslan Jamaludin. (2016). A Practical Journey in Implementing Shari'ah Compliant Hospital: An Nur Specialist Hospital's Experience. *International Medical Journal Malaysia*.
- Shaharom Md. Shariff. (2020). *A Shariah-Compliant Hospital Framework in Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Utara Malaysia.
- Shaharom Md Shariff. (2022). *Temu bual bersama Ketua Pegawai Hospital Pakar An-Nur Bangi*.
- Standard and Industrial Research Institute of Malaysia. (SIRIM). (2014). *MS1900:2014: Shariah- based Quality Management Systems - Requirements with Guidance (First revision)*. Department of Standard Malaysia.
- Wahab, Haris Abd. (2010) *Kesejahteraan sosial dan pembangunan komuniti : pendekatan dan indikator*. In: Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat, 24-25 Februari 2010, Gadong, Brunei Darussalam.